

SULIT
3757/1
Ekonomi
Asas
Kertas 1
Sept 2009
1 jam 15 minit

3757/1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2009

EKONOMI ASAS


KERTAS 1

1 JAM 15 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi empat puluh soalan**
- 2. Setiap soalan diikuti dengan empat pilih jawapan A, B, C dan D. Pilih jawapan yng paling tepat dan tandakan pada kertas jawapan objektif yang disediakan.**
- 3. Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan**

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak



Rajah 1

1. Antara yang berikut, yang manakah dapat menerangkan rajah 1 di atas
- A Masalah ekonomi
 - B Masalah kos kilang
 - C Masalah asas ekonomi
 - D Masalah kekurangan pasaran





2.



Antara yang berikut, yang manakah dapat menerangkan jenis barang di atas

- A Air paip
- B Air hujan
- C Air suling
- D Air mineral

3. Antara jenis barang dalam rajah 2 di bawah, yang manakah tidak benar

<p>A</p> <p>SMK Cendana Jaya</p>  <p>Barang Awam</p>	<p>B</p>  <p>Barang Ekonomi</p>
<p>C</p>  <p>Barang Percuma</p>	<p>D</p> <p>Klinik As Syifa'</p>  <p>Barang Awam</p>

Rajah 2

\

4 Syarikat AHK bercadang untuk mengeluarkan jentera yang inovatif bagi kegunaan syarikat-syarikat minyak di Malaysia. Dijangkakan syarikat ini mampu memasarkan produk mereka sekurang-kurangnya 10 unit sebulan. Apakah faktor yang belum diambil kira oleh syarikat AHK

- A Apakah barang yang hendak dikeluarkan ?
- B Berapakah barang yang hendak dikeluarkan ?
- C Bagaimana barang yang hendak dikeluarkan ?
- D Untuk siapakah barang yang hendak dikeluarkan ?

5

- Masalah agihan barang diselesaikan oleh kuasa beli wang dan kerajaan
- Agihan pendapatan yang tidak setara diselesaikan dengan pemberian subsidi
- Hospital dan sekolah disediakan

Apakah Negara yang mengamalkan sistem ekonomi di atas

- A Amerika Syarikat
- B Korea Utara
- C Arab Saudi
- D Thailand

6 Apakah kelebihan bagi sistem ekonomi oleh Negara Korea Utara ?

- A Rakyat mempunyai kebebasan sepenuhnya dalam membuat keputusan ekonomi
- B Agihan kekayaan adalah lebih adil
- C Kebajikan rakyat tidak terbela
- D Pembaziran sumber

7



Rajah 3

Aktiviti dalam rajah 3 di atas merujuk kepada sektor

- A Utama
 - B Kedua
 - C Ketiga
 - D Sekunder
- 8 Antara berikut, pasangan yang manakah betul dari segi pekerjaan dengan sektor ekonomi?

	Pekerjaan	Sektor Ekonomi
A	Pegawai Bank	Kedua
B	Arkitek	Ketiga
C	Ahli Geologi	Utama
D	Buruh Binaan	Kedua

- 9 En. Samsuddin tidak bekerja sendiri dan tidak bekerja dengan orang lain. Antara jenis-jenis pendapatan berikut yang manakah kemungkinan ganjaran yang diterima oleh En. Samsuddin
- A Upah dan faedah
 - B Untung dan upah
 - C Sewa dan Faedah
 - D Upah dan dividen

13

Komputer merupakan barang anjal

Pernyataan yang manakah benar mengenai keanjalan harga permintaan komputer

- A Peratus perubahan harga komputer melebihi peratus perubahan dalam kuantiti yang diminta
- B Peratus perubahan dalam kuantiti diminta terhadap komputer melebihi peratus perubahan harga
- C Peratus perubahan dalam kuantiti diminta terhadap komputer melebihi peratus perubahan pendapatan
- D Peratus perubahan pendapatan melebihi peratus perubahan dalam kuantiti diminta terhadap komputer

14



Rajah 4

Apakah ciri-ciri barang dalam Rajah 4 di atas

- I Tidak anjal permintaan harga
 - II Anjal permintaan harga
 - III Merupakan barang mesti
 - IV Merupakan barang mewah
- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> A I dan III B I dan IV | <ul style="list-style-type: none"> C II dan III D II dan IV |
|---|---|

- 15 Maklumat berikut merujuk kepada pekali keanjalan harga bagi komputer dan tepung

	Komputer	Tepung
Pekali Keanjalan	2.1	0.7

Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh peniaga untuk meningkatkan hasil jualan bagi komputer dan tepung


	Komputer	Tepung
A	Naikkan harga	Turunkan harga
B	Turunkan harga	Naikkan harga
C	Turunkan harga	Turunkan harga
D	Naikkan harga	Naikkan harga

- 16 Apabila harga barang X menurun, kuantiti barang Y diminta juga menurun. Apakah barang X dan barang Y

	Barang X	Barang Y
A	Pen	Dakwat
B	kereta	petrol
C	Tepung	Roti canai
D	Teh	kopi

17

Antara berikut, yang manakah menyebabkan keluk permintaan beralih dari D_0 ke D_1 D_1



- I Penurunan harga barang itu
- II Penurunan harga barang pengganti
- III Harga barang penggenap naik
- IV Penurunan pendapatan pengguna

- A I, II dan III
- B I, II dan IV

- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

18 Berikut ialah kos yang ditanggung oleh seorang pengusaha kilang dalam pengeluaran jangka pendek.

- Sewa kilang
- Pembelian mesin
- Faedah atas pinjaman modal

Tentukan jenis kos tersebut

- A Kos sut
- B Kos tetap

- C Kos purata
- D Kos berubah

- 19 Berikut ialah kos yang terlibat dalam proses pengeluaran sebuah firma.

Kos tetap	RM600
Kos berubah	RM200
Kos purata	RM2

Hitungkan jumlah keluaran firma tersebut


- A 50 unit
B 150 unit
C 200 unit
D 400 unit
- 20 Jadual 1 di bawah menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti untuk empat jenis barang

Barang	Peratus Perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti ditawarkan
Petroleum	10	12
Kereta	4	2
Gula	20	2
Pakaian	8	8

Barang yang manakah paling anjal?

- A Petroleum
B Kereta
C Gula
D Baju
- 21 Dalam jangka pendek, kenaikan harga minyak kelapa sawit tidak diikuti dengan kenaikan kuantiti penawarannya kerana
- A penawaran minyak kelapa sawit anjal
B permintaan minyak kelapa sawit anjal
C permintaan minyak sawit tidak anjal
D penawaran minyak kelapa sawit tidak anjal

22




Rajah 6

Rajah 6 menunjukkan keluk penawaran satu barang

Faktor yang menyebabkan pergerakan tersebut ialah peningkatan

- A kos pengeluaran
- B tingkat teknologi
- C harga barang itu
- D jangkaan harga masa depan

23



Rajah 7

Rajah 7 menunjukkan keluk penawaran barang M dalam pasaran. Jika pekali keanjalan harga barang M ialah 2, hitungkan nilai X

- A RM10.0
- B RM12.50
- C RM22.50
- D RM23.00

27 Antara berikut yang manakah pasangan yang benar?

I	Ganjaran factor pengeluaran	Aliran fizikal
II	Perbelanjaan penggunaan	Aliran Wang
III	Penawaran factor pengeluaran	Aliran Wang
IV	Penawaran barang & perkhidmatan	Aliran fizikal

A I, dan II
B I, dan III

C II dan IV
D III dan IV

28 Antara jenis wang berikut yang manakah diciptakan oleh sistem bank?

A deposit semasa
B surat jaminan kerajaan

C saham dan bon koperat
D wang kertas dan duit syiling

29

Pn. Nora merupakan ibu tunggal yang terpaksa menyara 6 orang anak yang masih kecil. Beliau berminat untuk berniaga kecil-kecilan bagi meringankan beban keluarganya. Beliau ingin mendapat bantuan kewangan daripada Bank Islam Sdn Bhd

Jika anda merupakan pengurus bank tersebut, apakah perkhidmatan yang paling sesuai untuk membantu puan Nora

A Al-Takjiri
B Al-Wadiah

C Al-Qard Al- Hassan
D Al-Bai-Bithaman Ajil

30 “En. Liew merupakan seorang pemborong yang sering membuat pembayaran kepada pembekal”

Apakah akaun yang sesuai En. Liew gunakan

A Akaun semasa
B Akaun tabungan

C Akaun tabungan
D Akaun simpanan tetap

SULIT
3757/2
Ekonomi
Asas
Kertas 2
Sept 2009
2 jam

3757/2

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2009

EKONOMI ASAS

Kertas 2

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B***
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan di **Bahagian B***
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan*
5. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan*


Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

[Lihat sebelah

Bahagian A

[75 markah]

- 1 (a) Gambar 1 menunjukkan perbualan beberapa orang rakan berkaitan masalah ekonomi.



Gambar 1

Huraikan masalah ekonomi yang dihadapi oleh Negara M dan syarikat JS
[10 markah]

- (b) Terangkan **tiga** ciri Sistem Ekonomi Islam. [6 markah]
- (c) Maklumat berikut berkaitan sistem ekonomi yang diamalkan oleh sebuah negara.

Pengguna bebas membuat pilihan terhadap barangan dan perkhidmatan manakala firma bebas memilih teknik pengeluaran tetapi perlu mengikut undang-undang dan peraturan. Jurang perbezaan pendapatan dalam kalangan masyarakat dikurangkan melalui sistem cukai dan subsidi.

- (i) Nyatakan sistem ekonomi negara tersebut. [1 markah]
- (ii) Huraikan cara sistem ekonomi di (c) (i) menyelesaikan masalah asas ekonominya. [8 markah]

- 2 (a) Pernyataan berikut tentang kerjaya seorang individu.

Puan Jelita bekerja sebagai guru di Bandar J. Beliau menerima gaji sebanyak RM4 450.00 sebulan.

- (i) Adakah gaji RM4 450.00 itu boleh dianggap sebagai upah benar? Berikan alasan anda. [5 markah]
- (ii) Terangkan **empat** jenis pendapatan lain yang boleh diperoleh oleh Puan Jelita [7 markah]
- (b) Gambar 2 menunjukkan perbualan Puan Naimah dengan anaknya..


Bagus anak mak pandai menyimpan taklah macam mak ni. Gaji mak bulan ni cuma RM1 800 tetapi perbelanjaan mak banyak. Sewa rumah RM400, perubatan RM100, wang saku sekolah abang dan kakak RM200, ansuran kereta RM450, makanan RM500, bil elektrik, air dan telefon RM150, zakat RM50, cukai pendapatan RM70, derma RM40 dan akhbar RM30. Bulan depan mak mesti berjimat-cermat




Gambar 2

- Sediakan penyata belanjawan peribadi Puan Naimah untuk bulan berikutnya. [5 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan 2 jenis barang.




Barang R



Barang S

Jelaskan **dua** perbezaan lain antara barang R dan barang S. [4 markah]

- (d) Berikut adalah maklumat mengenai perubahan dalam kuantiti diminta dan perubahan permintaan.



Selain perbezaan di atas, jelaskan **dua** lagi perbezaan antara perubahan dalam kuantiti diminta dengan perubahan permintaan. [4 markah]

- 3 (a) Jadual 1 menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma pembuatan kraftangan.

Jumlah Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos Sut (RM)
0	100	-	-
1	150	150	50
2	180	90	30
3	190	W	10
4	250	62.5	60
5	V	66	80
6	430	71.7	X

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1 di atas, hitung :

- (i) Nilai V [2 markah]
 (ii) Nilai W [2 markah]
 (iii) Nilai X [2 markah]

- b) Berikut adalah perbualan antara wakil Syarikat Aroma Jaya, Encik Firdaus dengan Encik Shahmi berkaitan peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Encik Firdaus : Syarikat kami ingin menawarkan jawatan pegawai pemasaran kepada Encik Shahmi dengan kadar gaji RM2 000 sebulan. Adakah Encik Shahmi bersetuju?

Encik Shahmi : Saya sedia menerima jawatan tersebut tetapi saya mohon agar pihak encik dapat menimbangakan semula kadar gaji tersebut memandangkan keadaan harga barang kini yang makin hari makin meningkat.

Encik Firdaus : Berapa gaji yang Encik Shahmi harapkan?

Encik Shahmi : Kalau boleh RM4 000 sebulan.

Encik Firdaus : Baiklah untuk memuaskan hati kedua-dua pihak, saya bersetuju untuk menawarkan jawatan tersebut dengan gaji RM3 000 sebulan.

Encik Shahmi : Kalau begitu keputusan encik, saya menerima tawaran tersebut dengan hati terbuka.

Dengan menggunakan rajah keluk keseimbangan pasaran, tunjukkan bagaimana upah Encik Shahmi ditentukan. [7 markah]

- c) Terangkan kesan peristiwa berikut ke atas pasaran kereta tempatan (setiap peristiwa adalah berasingan)
- (i) Harga kereta import meningkat [2 markah]
- (ii) Teknologi baru pembuatan kereta digunakan oleh pengeluar kereta tempatan [2 markah]
- (iii) Syarat pinjaman sewa beli kereta diketatkan. [2 markah]
- d) Bezakan antara aliran fizikal dan aliran wang dalam ekonomi dua sektor. [6 markah]



Gambar 3


- 4 a) Terangkan ciri-ciri wang dalam urusan jual beli di atas [7 markah]
- b) Berikut adalah perbualan dua orang individu berkaitan kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan.



Gambar 4

Jelaskan kemudahan pembayaran dalam perbualan di atas . [6 markah]

- c) Terangkan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan. [8 markah]
- d) Berikut adalah maklumat berkaitan Syarikat TQ.



Terangkan **dua** prinsip yang diamalkan oleh Syarikat TQ. [4 markah]

- 5 a) Berikut adalah sebahagian maklumat mengenai jenis-jenis perbelanjaan kerajaan.

Gaji kakitangan kerajaan
Pembinaan sekolah
Bayaran pencen kepada pesara
Pembelian kapal selam

- (i) Klasifikasikan jenis-jenis perbelanjaan kerajaan tersebut. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan diantara kedua-dua jenis perbelanjaan di (a) (i) [4 markah]

Gambar di bawah menunjukkan perbualan di antara tiga orang sahabat mengenai keadaan ekonomi semasa.



Gambar 5

- (b) (i) Nyatakan keadaan ekonomi dalam perbualan di atas. [1 markah]
- (ii) Huraikan bagaimana kerajaan melalui belanjawan Negara dapat mengatasi keadaan ekonomi di (b) (i) [6 markah]

Perdagangan antarabangsa telah menggalakkan penkhususan berlaku dan sekaligus memudahkan pengguna tempatan memperoleh barang dari luar. Keadaan ini boleh mengurangkan mobiliti factor antara sesebuah Negara dengan Negara lain

- (c) Pernyataan di atas adalah berkaitan dengan satu keburukan perdagangan antara bangsa.

Terangkan **tiga** keburukan lain perdagangan antarabangsa [6 markah]

- (d) Jadual 2 menunjukkan butiran imbangan pembayaran sesebuah negara dalam tempoh setahun.

Butiran	RM (juta)
Eksport barang nampak	205 776
Import barang nampak	198 345
Pendapatan pelaburan	- 5 094
Perjalanan	3 905
Pengangkutan	1 243
Pindahan bersih	- 2 877
Pelancongan	- 115

Jadual 2

Hitungkan:

- (i) Imbangan akaun dagangan [2 markah]
- (ii) Imbangan akaun perkhidmatan [2 markah]
- (iii) Imbangan akaun semasa [2 markah]

BAHAGIAN B


[25 Markah]

Soalan ini wajib dijawab

- 6 Encik Ramzan yang baru besara daripada jawatan Pegawai Kerani telah menerima wang ganjaran sebanyak RM 50 000.00. Dengan wang ganjaran itu, beliau bercadang untuk membuka syarikat yang mengeluarkan batik. Walau bagaimanapun beliau juga menghadapi masalah-masalah asas ekonomi lain yang perlu diselesaikan.

Beliau sangat gembira kerana permintaan terhadap batik keluaran syarikatnya semakin meningkat. Tambahan pula kerajaan memberikan kebebasan sepenuhnya kepada pengusaha-pengusaha batik untuk bersaing. Kerajaan juga memberikan sokongan dengan melancarkan kempen pemakaian baju batik setiap hari Khamis.

Kajian yang dibuat oleh pihak pengurusan syarikat mendapat bahawa permintaan terhadap batik keluaran syarikatnya adalah seperti yang ditunjukkan oleh rajah di bawah.



Berdasarkan kajian tersebut, Encik Ramzan telah menaikkan harga batik keluaran syarikatnya untuk meningkatkan keuntungan.

Oleh sebab batik keluaran syarikatnya berkualiti, Encik Ramzan dicadangkan supaya memasarkan batiknya ke luar negara. Walau bagaimanapun beliau tidak bersetuju dengan cadangan tersebut memandangkan jaraknya yang jauh dan kos pengangkutan tinggi. Beliau memutuskan untuk menumpukan perhatian terhadap pasaran dalam negeri.

Berdasar situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) (i) Huraikan punca pendapatan Encik Ramzan. [4 markah]
- (ii) Terangkan masalah asas ekonomi lain yang dihadapi oleh syarikat Encik Ramzan. [6 markah]
- (b) (i) Nyatakan sistem ekonomi negara itu. [1 markah]
- (ii) Terangkan dua ciri sistem ekonomi di (b) (i). [4 markah]
- (c) Adakah anda bersetuju dengan tindakan Encik Ramzan untuk meningkatkan keuntungan syarikat?
Beri alasan anda. [4 markah]
- (d) Jelaskan mengapa Encik Ramzan memilih untuk memasarkan batik dalam negeri berbanding pasaran antarabangsa. [6 markah]

SOALAN TAMAT